

RABU
13 02
2019



BH SKOR

bhskor@bh.com.my

25 SEKITAR
209 pelajar KVSA terima SVM



BAWA BERTENANG. KENAPA BERSERABUT SANGAT NAK BELAJAR? SEKARANG MASIH AWAL TAHUN.

BIAR BERSERABUT SEKARANG DARIPADA BERSERABUT DAH DEKAT PEPERIKSAAN NANTI.



MERAIH KEJAYAAN

➔ Pelajar harus berusaha gigih sebaik penggal persekolahan bermula

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

▀ **Shah Alam**

Usaha tangga kejayaan. Perumpamaan itu sering kita dengar sejak kecil yang membawa maksud untuk mengecapi kejayaan, pelajar perlu berusaha meningkatkan pencapaian diri supaya berada pada tahap tinggi.

Namun, bagi mencapai kejayaan membanggakan, mereka harus berusaha gigih sejak awal dengan membuat persediaan sebaik penggal persekolahan bermula.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jelutong, di sini, Puan Badariatul Jamal Mohd Hasnan, berkata komitmen pelajar untuk menuntut ilmu dan mengulang kaji sejak awal tahun mampu meningkatkan pemahaman mereka berhubung mata pelajaran. **S24**

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak **soalan SPM**

Masa itu emas

Interaktif

O Dari muka 523

Katanya, pelajar juga lebih menguasai topik kerana mempunyai banyak masa untuk bertanya kepada guru jika kurang memahami mana-mana tajuk.

"Pelajar tidak serabut memikirkan tajuk yang belum sempat dikuasai kerana memiliki tempoh mencukupi berbuat demikian.

"Mereka juga berasa tenang dan memiliki mental



Komitmen dijalankan sekolah dan kesedaran berhubung kepentingan menguasai pendidikan untuk masa depan, membuatkan semakin ramai pelajar berusaha belajar sejak awal tahun"

Puan Badariatul Jamal Mohd Hasan
Pengetua SMK Bukit Jelutong

kuat, sekali gus lebih yakin menduduki peperiksaan," katanya ketika dihubungi BH Skor, baru-baru ini.

Puan Badariatul berkata, menyedari kelebihan diperoleh pelajar jika belajar lebih awal, pengurusan SMK Bukit Jelutong memperkenalkan satu sistem pengedaran buku teks sebelum cuti penggal akhir tahun kepada pelajar sekolah itu.

Kelas tambahan

Inisiatif itu memudahkan pelajar merujuk kandungan buku dan mengetahui secara asas topik atau pengisian setiap mata pelajaran yang akan diikuti mereka pada tahun hadapan.

Usaha dilaksanakan itu membolehkan pelajar mengenal pasti soalan, perincian atau topik, terutama

membabitkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang boleh diajukan kepada guru.

Ini akan menggalakkan komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar, selain meningkatkan minat belajar apabila sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mudah difahami.

Puan Badariatul berkata, bagi membantu persediaan dan pemahaman awal pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan, SMK Bukit Jelutong turut mengadakan kelas tambahan sepanjang tahun bermula Januari sejak tahun 2015.

Kurangkan tekanan

Kelas tambahan selepas tamat sesi kelas harian itu, katanya, wajib dihadiri semua pelajar Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima

sebagai persediaan untuk menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Diadakan seminggu dua kali, katanya, kelas itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan guru setiap mata pelajaran mengulang kaji, berbincang dan menyelesaikan masalah topik bersama-sama.

"Pelaksanaan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar dan dapat belajar secara sistematik, tetapi juga mengelakkan mereka perlu menjalankan aktiviti kelas tambahan pada hari cuti.

"Cara ini juga dapat mengurangkan tekanan guru dan pelajar apabila boleh memberi fokus serta berehat bersama-sama keluarga pada hujung minggu," katanya.



Belajar sejak awal tahun meningkatkan keyakinan pelajar menduduki peperiksaan.



Bagi memastikan kejayaan pelajar perlu fokus sejak awal tahun, penting pendidikan dan jangan kekeut berkongsi ilmu dengan rakan"

Muhammad Safwan Mohd Noor
Pelajar Tingkatan Lima,
Sekolah Agama Menengah



Saya banyak membuat latihan, selain belajar menggunakan buku rujukan berwarna-warni kerana membuatkan saya lebih seronok dan bersemangat mengulang kaji"

Nur Farisha Syazrina Rosli
Pelajar Tingkatan Lima,
Sekolah Agama Menengah
Bestari Subang Jaya

Belajar ikut jadual waktu, usah malu bertanya

Shah Alam: Bagi menempa kejayaan dalam akademik, pelajar harus mengulang kaji pelajaran dan belajar berpandukan jadual waktu yang disusun rapi serta sistematik.

Tokoh pelajar yang juga penerima Anugerah Mumtaz Sofi pada Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2018, Hanan Adila Puat, 19, berkata kaedah itu perlu diterapkan dan diikuti secara konsisten sejak awal tahun bagi memastikan mereka mampu belajar dengan berkesan.

Berkongsi rahsia kejayaannya memperoleh keputusan A+ bagi semua 10 mata pelajaran pada peperiksaan berkenaan, anak jati Selangor itu berkata, dia mengamalkan sikap ringan mulut ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas.

"Jika ada topik atau tunjuk ajar diberikan guru yang tidak difahami, saya segera bertanya kepada guru untuk mendapatkan penerangan terperinci.

"Saya bertuah kerana



Hanan Adila Puat

setiap guru saya bersikap terbuka dan prihatin jika menerima soalan, selain mereka berusaha memas-

tikan pelajar benar-benar faham," kata pelajar Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah (SAMTTA), di sini.

Kongsi ilmu

Hanan Adila berkata, pelaksanaan pelajar ke kelas tambahan, terutama yang dijalankan pihak pengurusan sekolah dapat membantu meningkatkan pemahaman.

Katanya, setiap kali dia menghadiri kelas tambahan yang diadakan selama sejam bermula jam 9 malam

di sekolah, waktu itu digunakan sebaik mungkin untuk mendalami topik.

"Pelaksanaan kelas itu juga membolehkan saya mengadakan perbincangan bersama guru, menggalakkan pengetahuan dan menguasai topik sebaik mungkin.

"Pada waktu terluang, saya akan mengadakan perbincangan berkumpulan untuk belajar kerana prinsip saya, lebih banyak kita berkongsi, lebih banyak kita ingat," katanya.

redaksi

PENGARANG KUMPULAN
Khaidir A MajidPENGARANG EKSEKUTIF KANAN
Saidon IdrisPENGARANG BERITA PENDIDIKAN
Ridzuan YopPENOLONG PENGARANG
BERITA PENDIDIKAN
Mohd Zin Mohd AliPENYUNTING
Rusnita Pechok
Ili Ruzana Razali
Ammelia Asyiqin Dolbaharin
Maryam Shamilah ShamuzaimiWARTAWAN
Faizatul Farhana Farush KhanARTIS EKSEKUTIF
Ahmad Zulkifli Yahaya
Mohd Hakim IsmailILUSTRATOR
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Muhammad Hazam Mohd NazriPENGKILANAN
TEL: 1 300 22 6787BERITA HARIAN / VERTIKAL PENDIDIKAN
TEL: 1 300 22 6787LANGGANAN
JABATAN PENGEDARAN DAN
JUALAN, AKHBAR NSTP
31, JALAN RIONG,
59100 KUALA LUMPUR
TEL: 1 300 22 6787
E-MAIL: educationNSD@
mediaprima.com.myE-mail atau surat ke alamat:
bhskor@bh.com.my atau
Balai Berita,
11, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

209 pelajar KVSA terima SVM

Penyuntik motivasi kepada pelajar untuk terus cemerlang bidang kemahiran

Oleh Mohd Khairul Anam
Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 209 pelajar tahun pertama kursus Diploma Vokasional Malaysia bergraduasi dan menerima Sijil Vokasional Malaysia (SVM) bersempena dengan Majlis Graduasi dan Apresiasi Kolej Vokasional Shah Alam (KVSA) kali kedua, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, seramai 78 graduan daripada program Teknologi Pemesinan Industri, 64 graduan program Teknologi Kimpalan, 19 graduan masing-masing daripada program Teknologi Sistem Pengurusan Pangkalan Data dan Aplikasi Web serta Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian, manakala, 29 graduan program Pengurusan Perniagaan.

Pengarah Pengeluaran Nippon Electric Glass (M) Sdn Bhd, Encik Zainol Aman Shah Mohd Najib, ber-

kata di samping memberi pengiktirafan kepada pencapaian pelajar, majlis graduasi itu mampu menyuntik motivasi kepada mereka untuk terus cemerlang dalam meneroka ilmu serta kemahiran.

Beliau turut memuji usaha KVSA dalam melakukan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Nota Persefahaman (NoU) dengan pelbagai pihak yang amat signifikan ke arah membantu merealisasikan matlamat bidang Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET).

Katanya, usaha murni itu wajar diperhebat kerana berpotensi melonjakkan lagi sistem pendidikan teknik dan vokasional di negara ini.

Anjakan paradigma

"Seiring Revolusi Perindustrian 4.0 yang sedang melanda negara kini, kita mestilah bersedia melahirkan generasi yang mampu menyaingi kemajuan teknologi data secara globalisasi.

"Sehubungan dengan itu, anjakan paradigma terhadap pemikiran

kuno perlu dibuat, bab makan gaji dan bergantung sepenuhnya kepada kerajaan untuk sesuatu nasi harus diubah," katanya ketika merasmikan majlis berkenaan.

Yang turut hadir ialah Pengarah KVSA, Puan Norhayati Abdul Rahman.

Majlis Graduasi SVM dan Apresiasi Pelajar KVSA 2018 menyaksikan Haziq Syakir Abdul Razak daripada program Sistem Komputer dan Rangkaian dipilih menerima Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan SVM bagi tahun 2017 dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.86.

Sementara itu, Muhammad Amirul Syazwan Suhaimi (Teknologi Pemesinan Industri), Muhammad Ihsaan Mohamad Jamaludin (Teknologi Kimpalan), Isna Syuhada Anuar (Teknologi Sistem Pengurusan Data dan Aplikasi Web) serta Fatin Najwa Khairuddin (Pengurusan Perniagaan), masing-masing dipilih menerima Anugerah Pelajar Terbaik Program bagi tahun 2017.



Puan Norhayati (kiri) meraikan pelajar yang menerima Sijil SVM sempena dengan Graduasi dan Apresiasi KVSA, baru-baru ini.



Hari Terbuka 2019 @ kampus msu

- ▶ Yuran Pendaftaran Percuma
- ▶ Biasiswa ditawarkan

19 - 24 FEB

msu
SCHOLARSHIPS

Management & Science University (MSU) (KPT/JPS/DFT/US/BOB)
Engagement & Enrolment Department, University Drive,
Off Persiaran Olahraga, Section 13,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : 03 5521 6868 / Fax : 03 5511 2848 / Email : enquiry@msu.edu.my

www.msu.edu.my



Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan alam sekitar dan cara-cara menjaga alam sekitar**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Alam sekitar terdiri daripada segala benda hidup dan juga bukan hidup yang terdapat secara semula jadi di bumi dan di sekelilingnya. Alam sekitar ibarat landskap yang mengandungi flora dan fauna, bukit, gunung, tanah, air, udara dan lain-lain. Semuanya saling berkaitan kerana tanpa air, flora dan fauna akan mati; tanpa tanah, pokok-pokok tidak dapat hidup. Oleh yang demikian, alam sekitar memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan harian kita. Kehidupan manusia dengan alam sekitar saling bergantung antara satu sama lain.

Keadaan alam sekitar yang bersih dapat menjamin kesihatan manusia. Kesihatan manusia akan terjejas jikalau hidup dalam persekitaran yang kurang bersih. Sebagai buktinya, pembuangan sampah sarap ke dalam longkang, parit dan sungai boleh menjejaskan alam sekitar yang menyebabkan bakteria mudah membiak. Seterusnya, alam sekitar memberikan tarikan kepada pelancong asing untuk melawat ke sesebuah negara. Banyak negara mempunyai alam sekitar yang menarik dan menggalakkan pelancong datang ke negara mereka. Alam sekitar juga merupakan pembekal udara yang segar. Pokok-pokok membekalkan kita udara yang segar. Udara yang mempunyai kandungan oksigen yang tinggi amat diperlukan oleh manusia untuk menyegarkan badan. Alam sekitar dalam keadaan yang baik juga menjamin ekosistem yang stabil. Ekosistem yang terpelihara daripada kerakusan manusia akan membantu menjamin sumber air. Tanpa pemusnahan hutan, hutan dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan air. Hutan yang menjadi tadahan hujan akan menangkang air hujan secara semula jadi dalam kuantiti yang besar. Hal ini juga dapat menjamin bekalan air yang mencukupi bagi kegunaan domestik mahupun industri.

Selain itu, alam sekitar mampu menghasilkan bekalan sumber untuk kegunaan manusia dan haiwan. Sebagai contoh, hutan membekalkan sumber balak dan sumber makanan kepada penduduk sekitarnya. Hutan merupakan satu khazanah alam yang tidak ternilai. Banyak rahsia alam yang belum diterokai. Misalnya, daun, kulit kayu atau akar pokok hutan perlu diselidik atau dibuat kajian untuk mengetahui kelebihan-kelebihannya dari segi kesihatan manusia. Oleh itu, hutan penting untuk tujuan penyelidikan dalam pelbagai bidang. Alam sekitar turut menjadi habitat kehidupan sama ada di darat atau di laut. Alam sekitar yang harmoni membolehkan kehidupan darat dan laut terpelihara. Alam sekitar turut juga menjadi agen penyejuk yang menyejukkan suhu di kawasan yang panas. Pokok-pokok besar dapat melakukan fotosintesis dan menyeimbangkan suhu bumi. Tidak dinafikan bahawa kejadian tanah runtuh dan banjir kilat disebabkan oleh kelemahan pengurusan alam sekitar. Jika alam sekitar diuruskan dengan baik dapat mengelakkan bencana alam yang memberikan kesan kepada kehidupan.

Kesimpulannya, alam sekitar adalah sangat penting kepada kita. Alam sekitar perlu diuruskan dengan baik demi keharmonian hidup makhluk di muka bumi. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menyelamatkan alam sekitar. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan agar alam sekitar terus dilestarikan.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Pemuliharaan Alam Sekitar' dalam Berita Harian, Mac 2018

Panduan menjawab

1 Pendahuluan

Pendahuluan ditulis dalam satu ayat.

- (i) Gantikan kata tugas atau kata kunci yang pertama dalam arahan soalan untuk isi tersurat dengan kata yang bersinonim.
- (ii) Salin kata kunci tugas yang kedua dalam arahan soalan untuk isi tersurat.
- (iii) Pelajar juga perlu melihat skop atau fokus petikan yang dikemukakan untuk mengelakkan kesilapan.

Contoh kata kunci tugas pertama	Kata yang bersinonim
punca	sebab, faktor
usaha	cara, langkah, kaedah, strategi
manfaat	kebaikan, faedah, kelebihan, kepentingan
kesan	implikasi, akibat, natijah
halangan	kekangan, masalah, cabaran
peranan	fungsi, tugas, tanggungjawab

Contoh jawapan pendahuluan dalam latihan di atas. Petikan membincangkan **faedah-faedah / kelebihan-kelebihan** alam sekitar kepada kehidupan manusia dan hidupan yang lain serta **cara-cara menjaga alam sekitar**

2 Isi tersurat

- (i) Isi tersurat berdasarkan kata kunci **tugas yang pertama (kepentingan-kepentingan)**.
- (ii) Biasanya isi tersurat lebih daripada 6 isi.
- (iii) Isi tersurat disusun mengikut urutan dan boleh digabungkan dalam satu ayat dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.
- (iv) Satu daripada cara mengesan isi tersurat adalah dengan melihat penanda wacana yang digunakan seperti *Selain itu*, *Di samping itu*, *... juga*, *Seterusnya* dan lain-lain.
- (v) Pelajar juga boleh membina **ayat tanya** untuk mendapatkan isi tersurat. Contoh, *Apakah kebaikan menjaga alam sekitar?* Daripada ayat tanya ini, pelajar dapat mengesan isi tersurat dalam petikan.
- (vi) Sila abaikan contoh-contoh yang diberikan dalam petikan.
- (vii) Elakkan menyalin terus daripada petikan.

Contoh jawapan isi tersurat dalam latihan

- S1 Keadaan alam sekitar yang bersih dapat menjamin kesihatan manusia.
- S2 Alam sekitar memberikan tarikan kepada pelancong asing untuk melawat ke sesebuah negara.
- S3 Alam sekitar juga merupakan pembekal udara yang segar.
- S4 Alam sekitar dalam keadaan yang baik menjamin ekosistem yang stabil.
- S5 Hutan dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan air.
- S6 Alam sekitar mampu menghasilkan bekalan sumber untuk kegunaan manusia dan haiwan.
- S7 Hutan penting untuk tujuan penyelidikan dalam pelbagai bidang.
- S8 Alam sekitar turut menjadi habitat hidupan sama ada darat ataupun laut.
- S9 Alam sekitar turut juga menjadi agen penyejuk yang menyejukkan suhu di kawasan yang panas.
- S10 Alam sekitar yang diuruskan dengan baik dapat mengelakkan bencana alam.

- 3 Isi tersurat**
 - (i) Isi tersurat berdasarkan kata kunci **tugas yang kedua (langkah-langkah mengatasi)**.
 - (ii) Pelajar perlu mencari jawapan sendiri yang sesuai dengan kata kunci tugas tersebut.
 - (iii) Seperti dalam kata kunci tugas pertama, pelajar boleh juga membina **ayat tanya** untuk mendapatkan jawapan isi tersurat.
 - (iv) Kebiasaannya, pelajar mengemukakan isi tersurat lebih banyak daripada isi tersurat.

Isi tersurat dalam latihan

- T1 Kuat kuasa undang-undang halang pencemaran.
- T2 Mengadakan kempen menyayangi alam sekitar.
- T3 Mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan persekitaran.
- T4 Mengadakan hutan simpan.
- T5 Merancang pembangunan dengan sistematik.
- T6 Menekankan pendidikan alam sekitar di sekolah.
- T7 Lain-lain yang sesuai.

4 Penutup

- (i) Tulis ayat penutup berpandukan tema petikan dengan menggunakan dua unsur;
 - Membuat **cadangan / saranan** terhadap isu dengan ditandakan kata *mestilah*, *haruslah*, *perlu* dan lain-lain.
 - Diakhiri dengan **menyatakan harapan** yang ditandakan dengan kata hubung (*supaya / agar*).

Contoh jawapan penutup dalam latihan
Semua pihak perlu bekerjasama menjaga alam sekitar agar kualiti hidup dapat dinikmati bersama-sama.

Panduan-panduan lain

- (i) Menganalisis soalan
 - (a) Sila baca arahan soalan dengan teliti.
 - (b) Kenal pasti **kata kunci tugas pertama dan kata kunci tugas kedua**.
 - (c) Rumusan hendaklah ditulis setakat 120 patah perkataan sahaja. Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan;
 - Nama khas – Kampung Kuantan
 - Tarikh – 15 Januari 2001
 - Angka – 150 atau satu ratus lima puluh
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Kata berganda – gotong-royong
 - (d) Rumusan sebaik-baiknya ditulis dalam 4 perenggan (perenggan pendahuluan, perenggan isi tersurat, perenggan isi tersurat dan perenggan penutup).
 - (e) Gunakan bahasa yang gramatis dari segi struktur ayat dan tatabahasa, tanda baca dan ejaan yang betul dan kosa kata yang luas.
- (ii) Markah
 - (a) Markah penuh rumusan ialah 30 markah yang dibahagikan kepada;
 - Markah isi – 20 markah
 - Markah bahasa – 10 markah
 - (b) Pembahagian markah isi, iaitu;
 - Pendahuluan (2 markah)
 - Isi tersurat (4 – 12 markah)
 - Isi tersurat (12 – 4 markah)
 - Penutup (2 markah)

Latihan

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah mengambil pemakanan yang berkhasiat dan punca-punca yang menjejaskan kesihatan individu**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kita sering mendengar ungkapan bahawa cara pemakanan seseorang itu melambangkan tabiat, sikap atau keperibadian seseorang. Hal ini membuktikan bahawa corak pemakanan sangat penting dalam kehidupan seseorang kerana cara pengambilan makanan yang berkhasiat menjamin kesihatan yang sejahtera dan membantu menghindarkan sebarang penyakit. mengamalkan pemakanan yang sihat juga turut meningkatkan keyakinan diri dalam rutin kehidupan harian. Jadi, makanan yang berkhasiat merupakan keperluan jasmani dan rohani.

Oleh yang demikian, setiap individu harus menikmati pelbagai jenis makanan berdasarkan empat peringkat Piramid Makanan. Peringkat pertama dalam pengambilan makanan ialah bijirin daging serta kekacang yang berada pada peringkat kedua dan seterusnya susu, dadih, keju, ikan, berminyak, garam serta gula pada peringkat keempat. Di samping itu, setiap individu perlu mengekalkan berat badan yang sihat dengan mengimbangkan pengambilan makanan dan aktiviti fizikal. Sebelum dalam makanan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana makan dengan nilai kalori berlebihan boleh menambahkan berat badan. Individu juga perlu mengetahui nilai kalori dalam kuantiti yang betul. Sebagai contoh, kita boleh mengambil hidangan bijirin dan buah-buahan yang amat penting untuk tubuh badan sebagai sumber makanan tetapi hendaklah dilakukan dalam kuantiti yang bersesuaian, iaitu tidak berlebih-lebihan.

Tidak dinafikan juga bahawa cara pemakanan yang berkhasiat adalah dengan mengurangkan penggunaan lemak dalam penyediaan makanan. Pengambilan lemak sepatutnya tidak melebihi 30 peratus jumlah kalori harian dan jika berlebihan, lemak ini akan membentuk plak pada dinding saluran darah sehingga menyebabkan salur darah tersumbat. Selain lemak, garam juga turut memberikan kesan sampingan dari segi kesihatan manusia. Oleh itu, garam perlu diambil secara sederhana bagi mengelakkan penyakit darah tinggi. Bagi mengelakkan penggunaan garam secara berlebihan, penggunaan kicap soya dan sos boleh dijadikan pilihan.

Selain garam, individu juga perlu mengurangkan penggunaan gula dalam masakan. Individu juga boleh memilih makanan yang rendah kandungan gula. Setiap individu sebenarnya memerlukan penting, setiap individu perlu minum enam hingga lapan gelas air sehari walaupun tidak berasa dan pengeluaran bahan sisa daripada badan.

Kesimpulannya, kesihatan penting dalam kehidupan manusia. Tiada makna jika seseorang itu mempunyai wang yang banyak tetapi kesihatan terganggu. Oleh yang demikian, sebelum kesihatan terjejas, sebaik-baiknya individu perlu memastikan pemakanan yang betul dilakukan iaitu dengan mengambil pemakanan yang berkhasiat.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Cara Pemakanan Berkhasiat: Elak Penyakit', Berita Harian, Jun 2018

ARGUMENTATIVE ESSAY

Good day everyone! Today we are going to look at another type of essay for Continuous Writing. It is **argumentative essay**. The argumentative essay allows writers to express their opinion on a topic and support that opinion with strong logic and evidence.

Definition

We've all used some form of argumentation at one point in our lives. Whether it was asking parents for permission to go somewhere, seeking more money at a job, or begging for a second chance with a lost love, we've examined different evidence to determine which approach will fit us best. Though they may not have taken a formal style, these strategies of persuasion form the basis of **argumentative essays**. An argumentative essay is a type of writing that requires you to defend a position on a topic using evidence from personal experience, literature, historical examples, and research to support your viewpoint.

Writing Format

I. Introduction

A. Hook

The hook is an introduction that catches the reader's attention. Argumentative essays can start with facts, statistics, quotes, or anecdotes that reference the topic of the essay. Make sure the introduction is interesting enough to 'hook' your readers into wanting to read more.

B. Thesis Statement

A thesis statement is a sentence that explains what you are trying to prove and provides an overview of the arguments you will make in your body paragraphs. It is the most important sentence in an essay because it contains the main idea or the scope of the entire essay. It is usually found at the end of the introductory paragraph. Focus on writing a clear, concise statement that hints at the topics you plan to discuss.

II. Body Paragraphs

The body paragraphs are where you will explain the evidence you have to support your thesis statement. Your body paragraphs should start with a **topic sentence** written in your own words. You should then include some form of rhetoric (such as a fact or statistic, an emotional anecdote, or a law) that provides support for your topic sentence. Usually you will need three topic sentences or your argument points. Finally, the body paragraphs should contain a sentence that explains how the evidence you've provided proves your overall point or your concluding sentence.

III. Conclusion

Once you have completed the last point or body paragraph. End the essay with a concluding paragraph. Use a transition marker that signals a conclusion to begin your concluding paragraph.

Example of transition markers: *In conclusion, All in all, In brief, To conclude etc.*

You can bring the essay to a close by providing a brief summary of the main points or restating your thesis statement and including some concluding statements.

I think we have discussed the format and how to start writing an argumentative essay quite extensively. Now, I think we are ready to take a look at the sample question.

Sample Question: Homework offers more advantages than disadvantages. Do you agree?

Sample Answer:

<p>What is the single most dreaded thing in a student's life? The answer lies in the endless stream of homework. Homework is a word that sends shivers down the spine and creates nightmares in the minds of many students. It is inevitable and is part and parcel of school life. However, homework offers students more advantages than disadvantages as it provide extra exercises for students, helps them get through their examinations and helps them occupy their time wisely.</p>	<p>Introduction Hook</p> <p>Thesis statement</p>
<p>Many teachers have sworn by the benefits of homework as for them, giving homework is the only way they can provide extra exercises for students. The demands of the school curricular and co-curricular activities take up a huge portion of schooling time. As a result, teachers are constantly pressed for time to complete a certain syllabus. As there are so many topics to be taught, it is not possible to cover all of them thoroughly with the students in class because of the short classroom hours with them. Therefore, giving homework is one important method of checking students' understanding of the topics covered quickly by teachers. In short, homework plays the salient role of being a yardstick to measure students' understanding of the lesson in school.</p>	<p>Body paragraph / Content</p> <p>Topic sentence 1</p> <p>Supporting details</p> <p>Concluding sentence</p>
<p>In addition, students who take their homework seriously will get more practises and perform with flying colours in their examinations. When they attempt a piece of homework, they are actually internalising what they have learnt earlier in school unconsciously. Furthermore, teachers may also set test and examination questions based on the coverage of homework given to students. Thus, it can be said that students who attempt all their homework will have the upper hand in achieving better academic results compared to those who ignored their homework. In brief, it can be said that homework is an instrument to enhance students' performance in their academic achievements.</p>	<p>Topic sentence 2</p> <p>Supporting details</p> <p>Concluding sentence</p>

<p>Completing homework is one of the ways to occupy students' time beneficially after school hours. In reality, students normally feel bored staying at home with nothing to do. Hence, certain students will indulge in unhealthy activities such as loafing at shopping centres and surfing the web in cybercafés for long periods of time. Nevertheless, homework can reduce students' impulse to pursue unhealthy activities by creating the need for them to work on their schoolwork. In short, doing homework not only occupies their time beneficially but also helps them to understand their subjects better.</p>	<p>Topic sentence 3</p> <p>Supporting details</p> <p>Concluding sentence</p>
<p>In conclusion, homework offers more advantages than disadvantages to students. Nevertheless, teachers should be reasonable in setting the amount of homework to harness the maximum positive effects of homework. While the journey of doing homework may be arduous, the outcome will be rewarding.</p>	<p>Conclusion Restatement of thesis</p> <p>Concluding statement</p>

Now try to complete the argumentative essay below. The points are mentioned in the draft. Discuss with your friends and teacher to write this essay.

Structure	Title: <i>Teenagers should be allowed to stay out late at night. Do you agree?</i>	Language features
<p>Introduction Give opinion on the issue</p> <p>Define the subject</p> <p>Taking a stand</p>	<p>I totally disagree that teenagers should be allowed to stay out late at night. This is because nocturnal activities are linked to vices and teenagers are easily influenced and swayed into all sorts of vice and immoral activities. If you read the newspapers daily, you will realise that most drug deals, rape cases, gang fights, and murders take place at night. Thus, I strongly disagree that teenagers should be allowed to stay out late at night.</p>	<p>Tell what the argument is about</p> <p>Use the first person point of view</p>
<p>Body Argument 1</p>	<p>When teenagers go out at night especially late nights, they tend to go out in groups and not with their families.</p>	<p>Use present tense</p>
<p>Argument 2 -giving clear example and explanation</p>	<p>Apart from that, at night, teenagers haunt entertainment hubs such as karaoke, pubs and discotheques. Most vices lurk in these places.</p>	<p>Use linking words</p>
<p>Argument 3</p>	<p>Finally, staying out late at nights will eventually affect the health and education of the teenagers.</p>	
<p>Conclusion Restate your opinion or stand</p> <p>Summarise the arguments given</p>	<p>In short, there are so many negative effect of staying out late at night. Tendency to misbehave, be easily influenced by wrongdoings and negative effect on health are only some of the reasons that I have explained in this essay. Therefore, I reiterate that teenagers should not be allowed to stay out late at nights.</p>	

BENTUK PIAWAI DAN ANGKA BERERTI

Bentuk Piawai

Lebih mudah untuk menulis nombor yang sangat besar atau sangat kecil dalam bentuk piawai atau fatatanda saintifik.

Bentuk piawai ialah satu cara menulis nombor dalam bentuk $A \times 10^n$, dengan keadaan $1 \leq A < 10$ dan n ialah satu integer positif atau negatif.

- (a) Nombor lebih besar atau sama dengan 10 dan n ialah integer positif, misalnya $n = 1, 2, 3, \dots$
(i) $37\ 000 = 3.7 \times 10^4$ (ii) $835.2 = 8.352 \times 10^2$
- (b) Nombor kurang daripada 1 dan n ialah satu integer negatif, misalnya $n = \dots, -2, -1$
(i) $0.000086 = 8.6 \times 10^{-5}$ (ii) $0.2397 = 2.397 \times 10^{-1}$

Contoh 1:

Ungkapkan setiap yang berikut dalam bentuk piawai.

- (a) 76 450 (b) 0.0836

Penyelesaian:

- (a) $76\ 450 = 7.645 \times 10^4$ (Titik perpuluhan dipindah 4 tempat ke kiri) atau $76\ 450 = 7.645 \times 10\ 000 = 7.645 \times 10^4$
- (b) $0.0836 = 8.36 \times 10^{-2}$ (Titik perpuluhan dipindah 2 tempat ke kanan)

Contoh 2:

Nyatakan 0.0327 dalam bentuk piawai.

Penyelesaian:

$0.0327 = 3.27 \times 10^{-2}$ (Titik perpuluhan dipindah 2 tempat ke kanan) atau

$$0.0327 = \frac{3.27}{100} = 3.27 \times \frac{1}{100} = 3.27 \times \frac{1}{10^2} = 3.27 \times 10^{-2}$$

Angka Bererti

Angka bererti merujuk kepada digit-digit relevan dalam satu integer atau nombor perpuluhan yang dibundarkan kepada suatu darjah ketepatan yang tertentu.

Misalnya, 786 = 790 (2 angka bererti)

Membundarkan nombor

- ⊙ Nombor positif yang lebih besar daripada 1 boleh dibundarkan kepada suatu bilangan angka bererti.
- ⊙ Nombor positif yang kurang daripada 1 juga boleh dibundarkan kepada suatu bilangan angka bererti.

Contoh 3:

Bundarkan setiap berikut betul kepada 3 angka bererti.

- (a) 56.84 (c) 0.40325
- (b) 406.8 (d) 0.070453

Jawapan:

- (a) $56.84 = 56.8$ (3 a.b) ($4 < 5$)
- (b) $406.8 = 407$ (3 a.b) ($8 > 5$)
- (c) $0.40325 = 0.403$ (3 a.b) ($2 < 5$)
- (d) $0.070453 = 0.0705$ (3 a.b) (5)

Contoh 4:

Cari nilai bagi $(3 - 0.375) \div 40$, dan bundarkan jawapan betul kepada dua angka bererti.

- A 0.06 C 0.065
- B 0.07 D 0.066

Penyelesaian:

$$(3 - 0.375) \div 40 = 2.625 \div 40 = 0.065625 \text{ (} 6 > 5 \text{)} \\ = 0.066 \text{ (2 a.b)}$$

Jawapan: D

Menyatakan nombor bentuk piawai kepada nombor tunggal

Contoh 5:

Tukarkan setiap yang berikut kepada nombor tunggal.

- (a) 8.52×10^4 (b) 4.13×10^{-2}

Penyelesaian:

- (a) 8.52×10^4 (Indeks untuk 10^4 ialah 4, titik perpuluhan = 85 200 dalam 8.52 dipindah 4 tempat ke kanan)

- (b) 4.13×10^{-2} (Tukar bentuk indeks kepada nombor)

$$= 4.13 \times \frac{1}{10^2} = 4.13 \times \frac{1}{100} = \frac{4.13}{100} = 0.0413 \text{ (Cari hasil darab dua nombor)}$$

Latihan

- Express 6 291.8 in standard form.
Ungkapkan 6 291.8 dalam bentuk piawai.
A 6.2918 $\times 10^4$ C 6.2918 $\times 10^{-3}$
B 6.2918 $\times 10^3$ D 6.2918 $\times 10^{-4}$
- $\frac{2\ 814.3 \times 10^{-4}}{10^{-8}} =$
A 2.8143 $\times 10^{-6}$ C 2.8143 $\times 10^6$
B 2.8143 $\times 10^{-5}$ D 2.8143 $\times 10^7$
- State 8.06×10^4 as a single number.
Ungkapkan 8.06×10^4 sebagai satu nombor tunggal.
A 8 060 C 806 000
B 80 600 D 8 060 000
- Given the speed of light is $3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$. Calculate the distance, in m, the light travels in 2 hours.
Diberi laju cahaya ialah $3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$. Kira jarak, dalam m, perjalanan cahaya dalam 2 jam.
A 3.6×10^8 C 3.6×10^{10}
B 2.16×10^{10} D 2.16×10^{12}
- Round off 0.4068 correct to two significant figures.
Bundarkan 0.4068 betul kepada dua angka bererti.
A 0.40 C 0.410
B 0.41 D 0.4100
- Given that $p = 3.12 \times 10^4$ and $q = 1.04 \times 10^3$, express $p + 5q$ in standard form.
Diberi bahawa $p = 3.12 \times 10^4$ dan $q = 1.04 \times 10^3$, ungkapkan $p + 5q$ dalam bentuk piawai.
A 3.22×10^3 C 3.64×10^3
B 3.22×10^4 D 3.64×10^4
- Given that $79\ 510\ 000\ 000 = 7.951 \times 10^n$. Find the value of n .
Diberi bahawa $79\ 510\ 000\ 000 = 7.951 \times 10^n$. Cari nilai n .
A 8 C 12
B 10 D 14
- Express $431\ 000 + 51\ 000$ in standard form.
Ungkapkan $431\ 000 + 51\ 000$ dalam bentuk piawai.
A 4.82×10^5 C 4.82×10^{-4}
B 4.82×10^4 D 4.82×10^{-5}
- $\frac{86.4 \times 10^{-5}}{(4 \times 10^{-4})^2} =$
A 5.4×10^{-13} C 5.4×10^3
B 2.171×10^3 D 1.08×10^4
- $\frac{0.00075}{4 \times 10^2} =$
A 1.875×10^{-6} C 1.875×10^{-3}
B 1.875×10^{-5} D 1.875×10^{-2}
- Round off 7 570 correct to two significant figures.
Bundarkan 7 570 betul kepada dua angka bererti.
A 7 600 C 76
B 750 D 75
- Round off 0.9058 correct to three significant figures.
Bundarkan 0.9058 betul kepada tiga angka bererti.
A 0.90 C 0.905
B 0.91 D 0.906
- Express 390 000 in standard form.
Ungkapkan 390 000 dalam bentuk piawai.
A 3.9×10^{-5} C 3.9×10^4
B 3.9×10^{-4} D 3.9×10^5
- The area of a rectangular piece of land is 21 km^2 . Its width is $3\ 500 \text{ m}$. The length, in m, of the land is
Luas sebidang tanah berbentuk segi empat tepat ialah 21 km^2 . Lebar tanah itu ialah $3\ 500 \text{ m}$. Panjang, dalam m, tanah itu ialah
A 5.6×10^3 C 6×10^3
B 5.6×10^4 D 6×10^4
- Find the value of $7.018 - 0.35 \div 0.5$ and round off the answer correct to three significant figures.
Cari nilai bagi $7.018 - 0.35 \div 0.5$ dan bundarkan jawapan betul kepada tiga angka bererti.
A 6.31 C 6.33
B 6.32 D 6.34
- A rectangular floor has a length of 38 m and a width of 25 m . Find the number of square tiles of side 20 cm that are required to cover the whole floor.
Satu lantai berbentuk segi empat tepat berukuran panjang 38 m dan lebar 25 m . Cari bilangan jubin berbentuk segi empat sama dengan sisi 20 cm yang diperlukan untuk menutupi seluruh lantai itu.
A 9.615×10^6 C 1.725×10^4
B 6.245×10^6 D 2.375×10^4
- Find the value of $(5 - 1.364) \times 8$. Round off the answer correct to four significant figures.
Cari nilai bagi $(5 - 1.364) \times 8$. Bundarkan jawapan betul kepada empat angka bererti.
A 29.00 C 29.09
B 29.08 D 30.00
- Express 0.00000625 in standard form.
Ungkapkan 0.00000625 dalam bentuk piawai.
A 6.25×10^{-6} C 6.25×10^5
B 6.25×10^{-5} D 6.25×10^6
- $5.6 \times 10^7 - 2.9 \times 10^5 =$
A 2.7×10^{-8} C 5.571×10^7
B 2.844×10^{-7} D 5.629×10^7
- Round off 15.067 correct to three significant figures.
Bundarkan 15.067 betul kepada tiga angka bererti.
A 15.0 C 15.07
B 15.067 D 15.1
- Given that $0.000000832 = m \times 10^n$, in standard form. State the value of m and of n .
Diberi bahawa $0.000000832 = m \times 10^n$, dalam bentuk piawai. Nyatakan nilai bagi m dan n .
A $m = 8.32, n = -8$ C $m = 8.32, n = 6$
B $m = 8.32, n = -7$ D $m = 8.32, n = 9$
- $\frac{4\ 080}{1.2 \times 10^{-2}} =$
A 3.4×10^{-1} C 3.4×10^5
B 3.4×10^1 D 3.4×10^6
- 50 metal cube blocks with 25 cm each side are melted to make 250 solid spheres. Find the volume, in cm^3 , of each sphere.
50 buah blok logam berbentuk kubus dengan panjang sisi 25 cm akan dileburkan untuk membuat 250 buah pepejal sfera. Cari isi padu, dalam cm^3 , setiap sfera itu.
A 7.812×10^5 C 1.563×10^4
B 3.125×10^4 D 3.125×10^3
- $345\ 000$ is written as $p \times 10^q$ in standard form. Find the value of p and of q .
 $345\ 000$ ditulis sebagai $p \times 10^q$ dalam bentuk piawai. Cari nilai p dan q .
A $p = 3.45, q = -5$ C $p = 3.45, q = -3$
B $p = 3.45, q = 5$ D $p = 3.45, q = 3$

FUNGSI KUADRATIK


Kedudukan graf bagi fungsi kuadratik $f(x) = ax^2 + bx + c$ bergantung kepada nilai $b^2 - 4ac$, di mana rumus ini adalah untuk menentukan jenis punca.

Kes di mana nilai a ialah positif ($a > 0$)			
Nilai bagi $b^2 - 4ac$	$b^2 - 4ac > 0$	$b^2 - 4ac = 0$	$b^2 - 4ac < 0$
Lakaran graf bagi fungsi $f(x) = ax^2 + bx + c$			
Jenis punca bagi persamaan $f(x) = 0$	Dua punca nyata dan berbeza	Dua punca nyata dan sama	Tiada punca
Kes di mana nilai a ialah negatif ($a < 0$)			
Nilai bagi $b^2 - 4ac$	$b^2 - 4ac > 0$	$b^2 - 4ac = 0$	$b^2 - 4ac < 0$
Lakaran graf bagi fungsi $f(x) = ax^2 + bx + c$			
Jenis punca bagi persamaan $f(x) = 0$	Dua punca nyata dan berbeza	Dua punca nyata dan sama	Tiada punca
Fungsi kuadratik		Keterangan	
$f(x) = a(x - p)^2 + q$		Paksi simetri, $x = p$ Titik maksimum (p, q) Titik minimum (p, q)	

Panduan melakar graf fungsi kuadratik, $f(x) = ax^2 + bx + c$

- Tentukan bentuk graf sama ada 'U' atau '∩' berdasarkan nilai bagi a .
- Tentukan nilai maksimum atau minimum dengan menggunakan kaedah penyempurnaan kuasa dua.
- Tentukan kedudukan graf sama ada bersilang dengan paksi-x pada dua titik, satu titik atau tidak bersilang dengan mengira nilai $b^2 - 4ac$.
- Tentukan nilai pintasan-y dengan menggantikan $x = 0$.
- Lakar graf berdasarkan 4 maklumat di atas.

Ketaksamaan bagi fungsi kuadratik $f(x) = ax^2 + bx + c$, jika nilai $a > 0$ dan bersilang pada paksi-x ketika $x = m$ dan $x = n$



- Jika $f(x) > 0$, maka $x < m$ dan $x > n$
- Jika $f(x) \geq 0$, maka $x \leq m$ dan $x \geq n$
- Jika $f(x) < 0$, maka $m < x < n$
- Jika $f(x) \leq 0$, maka $m \leq x \leq n$

Latihan


- Find the value of h if the graph of the function $f(x) = 3x^2 - 6x + h$ touches the x -axis at only one point. Cari nilai bagi h jika graf bagi fungsi $f(x) = 3x^2 - 6x + h$ menyentuh paksi-x hanya pada satu titik.
- Without using the method of differentiation or drawing the graph, find the maximum or minimum value for the function $y = x^2 - 4x + 10$. Hence, find the equation of the axis of symmetry of the graph. Tanpa menggunakan kaedah pembezaan atau melakar graf, cari nilai maksimum atau minimum bagi fungsi $y = x^2 - 4x + 10$. Seterusnya, cari persamaan paksi simetri graf.

Contoh:

Lakar graf bagi fungsi kuadratik $y = -3x^2 - 6x + 2$.

Penyelesaian:

- Nilai $a = -3 < 0$, maka bentuk graf ialah '∩'.
- Penyempurnaan kuasa dua bagi $y = -3x^2 - 6x + 2$
 $y = -3(x^2 + 2x) + 2$
 $y = -3[(x^2 + 2x + (1)^2) - (1)^2] + 2$
 $y = -3(x + 1)^2 + 3 + 2$
 $y = -3(x + 1)^2 + 5$
Titik maksimum = $(-1, 5)$
- $b^2 - 4ac = (-6)^2 - 4(-3)(2) = 60 > 0$
- Apabila $x = 0$, maka $y = 2$.
- Lakar graf.



- Diagram 1 shows the graph of function $y = -(x - 3)^2 + 6$. Rajah 1 menunjukkan graf bagi fungsi $y = -(x - 3)^2 + 6$.




Diagram 1 / Rajah 1

- Find
Cari
- the value of k , nilai bagi k ,

- the equation of the axis of symmetry, persamaan paksi simetri,
- the coordinate of the maximum point, koordinat titik maksimum.

- The quadratic function $f(x) = 2x^2 - 4x - 9$ can be expressed in the form $f(x) = a(x + m)^2 - n$, where a , m and n are constants. Find the values of a , m and n . Fungsi kuadratik $f(x) = 2x^2 - 4x - 9$ boleh diungkapkan dalam bentuk $f(x) = a(x + m)^2 - n$, di mana a , m dan n ialah pemalar. Cari nilai bagi a , m dan n .

- Find the range of the values of x for
Cari julat nilai-nilai bagi x untuk

$$\frac{(2x - 3)(x + 3)}{(x + 3)} > 1$$

- Given that $f(x) = x^2 - 3x + 4$, find the range of values of x that satisfies $2 \leq f(x) \leq 14$. Diberi bahawa $f(x) = x^2 - 3x + 4$, cari julat nilai-nilai x yang memuaskan $2 \leq f(x) \leq 14$.
- It is given that the quadratic function $f(x) = -x^2 + 4x + 21$. Diberi fungsi kuadratik $f(x) = -x^2 + 4x + 21$.
 - by using completing the square, express $f(x)$ in the form of $f(x) = a(x + p)^2 + q$. Dengan menggunakan penyempurnaan kuasa dua, ungkapkan $f(x)$ dalam bentuk $f(x) = a(x + p)^2 + q$.
 - find the maximum or minimum value of function $f(x)$, cari nilai maksimum atau nilai minimum bagi fungsi $f(x)$,
 - sketch the graph for $f(x) = -x^2 + 4x + 21$ such that $-3 \leq x \leq 7$. Lakar graf bagi $f(x) = -x^2 + 4x + 21$ dengan keadaan $-3 \leq x \leq 7$,
 - state the equation of the curve when the graph is reflected on the x -axis. nyatakan persamaan bagi lengkung itu apabila graf tersebut dipantulkan pada paksi-x.

- Diagram 2 shows the graphs of the curves $y = x^2 + 2x - px + 7$ and $y = 2(x - 3)^2 + 2q$ that intersect on the x -axis at two points. A and B are the minimum points of the curves.

Rajah 2 menunjukkan graf bagi lengkung $y = x^2 + 2x - px + 7$ dan $y = 2(x - 3)^2 + 2q$ yang bersilang pada paksi-x pada dua titik. A dan B ialah titik minimum bagi lengkung itu.




Diagram 2 / Rajah 2

- Find
Cari
- the values of p and q , nilai bagi p dan q ,
 - the distance represented by m , jarak yang diwakili oleh m .

Sejarah

PENINGKATAN TAMADUN

Sumbangan Tamadun Yunani, Rom, India dan China

Peningkatan Tamadun	Sumbangan Tamadun
Politik	<ul style="list-style-type: none"> Tamadun Yunani mewariskan sistem pemerintahan berbentuk demokrasi. Rakyat terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan. Kerajaan demokrasi disifatkan sebagai kerajaan rakyat. Kebanyakan negara pada hari ini mengamalkan sistem demokrasi tetapi wujudnya perbezaan. Sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia ialah sistem demokrasi berparlimen. Tamadun Rom mewariskan sistem pemerintahan Republik. Pemerintahan dikuasai oleh dua orang konsul. Dua orang konsul dilantik untuk mengimbangi kuasa. Konsul dibantu oleh Dewan Senat. Dewan Senat dibantu oleh Dewan Perhimpunan yang diwakili oleh rakyat. Sistem republik yang diamalkan pada masa ini agak berbeza dengan sistem republik Rom, namun pada dasarnya adalah sama, iaitu berunsur demokrasi dan rakyat terlibat dalam pemilihan ketua negara (presiden). Sistem republik diamalkan di Indonesia, Perancis, India, dan Afrika Selatan.
Agama dan Ajaran	<ul style="list-style-type: none"> Agama Hindu, Buddha dan ajaran Confucianisme serta Taoisme masih diamalkan oleh kebanyakan penduduk dunia pada hari ini.
Falsafah	<ul style="list-style-type: none"> Ilmu falsafah Socrates, Plato, Aristotle, Stoisisme dan Legalisme masih menjadi rujukan ahli falsafah moden.
Sains dan Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> Teknologi pembinaan seperti Colloseum, Pantheon, Aqueduct, Tembok Besar China, Stupa di Sanchi, Pagoda, dan candi merupakan warisan yang dikagumi. Binaan tersebut menjadi sumber pelancongan serta sumber contoh seni bina hari ini. Teknologi membuat kertas dan tembikar diwarisi daripada tamadun China. Sains dan teknologi berkaitan matematik, fizik, astronomi, perubatan, dan seni bina masih digunakan pakai. Teori matematik seperti Teori Archimedes dan Teorem Pythagoras digunakan hingga kini.
Kesusasteraan	<ul style="list-style-type: none"> Hasil sastera seperti Iliad, Odyssey, Mahabharata, dan Ramayana masih dibaca dan dijadikan rujukan pada hari ini. Rekod sejarah dalam bentuk ensiklopedia, kisah perjalanan, dan maklumat geografi yang diwarisi daripada tamadun China masih digunakan sebagai sumber sejarah.
Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa Sanskrit dan bahasa Latin memainkan peranan yang penting dalam bidang keagamaan dan kesusasteraan. Bahasa Sanskrit digunakan dalam agama Hindu dan Buddha manakala bahasa Latin digunakan dalam agama Kristian.
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Sistem pendidikan tamadun awal masih kekal hingga kini dan diubah suai jika perlu. Contohnya Peperiksaan Awam China. Sistem peperiksaan masih wujud pada hari ini. Yunani meninggalkan pendidikan seimbang sesuai dengan masa kini. Sparta pendidikannya bercorak ketenteraan.
Sukan Olimpik	<ul style="list-style-type: none"> Tamadun Yunani menyumbang kepada kelahiran Sukan Olimpik. Diperkenalkan pada tahun 776 S.M. Pertandingan diadakan di Olympia. Diadakan empat tahun sekali. Disertai oleh negara-negara kota di Yunani. Bertujuan untuk menghormati Tuhan Zeus. Sukan Olimpik masih diadakan pada zaman moden ini.

Latihan

Kertas 1

- Sistem peperiksaan awam di China dikawal selia secara ketat. Berikan sebabnya.
